

JUDUL : Utusan Malaysia

TARIKH : Jumaat, 4 Mac 2016

M/S : 11

# USAHA MEMARTABAT TULISAN JAWI

Oleh MOHD. RIZAL AZMAN RIFIN

**M**UNGKIN pada setengah pihak tiada apupun yang mengemukakan atau merasa apa-apa kerugian apabila Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Nafisah Ahmad, pernah mendedahkan kepada kita bahawa terdapat sebanyak 4,600 manuskrip Melayu lama bertulisan Jawi lama yang masih belum terusik untuk dilakukan sebarang kajian atau usaha-usaha untuk menterjemahkan ia ke dalam tulisan rumi.

Cuba kita fikirkan apakah manuskrip tersebut akan menerima nasib yang serupa, seandainya ia berada di dunia Barat? Tentu, keadaan itu jauh sekali perbezaannya kerana mereka begitu meraikan khazanah lama yang pada mereka perlu diteroka sedalam-dalamnya demi mencari sesuatu yang bermanfaat untuk diangkat sebagai ilmu.

Tetapi di negara kita, dalam keasyikan mengejar dan memperkasakan bidang sains dan teknologi, elemen ketamadunan lama tidak dijadikan sebagai keutamaan. Langkah-langkah untuk memperkasakan tulisan itu tidak jelas kelihatan. Malah, tidak juga dilihat untuk diangkat sebagai satu keperluan dan keutamaan.

Pun begitu, masih belum terlambat lagi untuk kita melakukan langkah-langkah dan usaha-usaha untuk mengangkat tulisan itu ke tahap yang sepatutnya ia berada. Meskipun, kita dihambat dengan faktor kurang tenaga pakar dalam selok belok tulisan Jawi lama, usaha bersungguh-sungguh perlu dilakukan segera untuk memperkasakan dan menghidupkan semula tulisan ini. Jangan dibiarkan manuskrip berharga tulisan Jawi itu terperang begitu sahaja.

Melalui penterjemahan terhadap manuskrip lama tersebut, sudah pastinya ia akan memudahkan generasi baharu memahami segala unsur-unsur yang menjadikan tulisan ini terbilang di negara ini suatu ketika dahulu.

Bayangkanlah betapa ruginya kita apabila manuskrip yang berusia ratusan tahun itu tidak dapat difahami dan dibayati oleh generasi muda. Justeru, apa yang diberitahu oleh Ketua Pengarah PNM itu seharusnya menyedarkan banyak pihak bahawa negara kita sesungguhnya begitu kaya dengan tinggalan khazanah ilmu yang berbentuk



KITA perlu bermula dari awal semula dan secara berperingkat-peringkat di semua sektor khususnya di sekolah-sekolah untuk menghidupkan tulisan Jawi. - GAMBAR HIASAN

manuskrip lama dan hal itu sewajarnya memanggil semua pihak khususnya yang berkepakaran dalam tulisan Jawi lama untuk bersama membantu menjayakan usaha menterjemahkannya ke tulisan rumi.

Selain itu, perkembangan ini turut memberi petanda kepada kita bahawa negara ini semakin ketandusan golongan yang mahir menulis Jawi. Semakin hari tulisan Jawi semakin dilupakan khususnya oleh generasi muda dan keadaan ini sepatutnya tidak harus dibiarkan begitu sahaja.

Justeru, usaha menganjurkan Karnival Semarak Jawi Kebangsaan yang dilangsungkan di Pusat Dagangan Terengganu baru-baru ini sedikit sebanyak boleh membuahkan impak positif dalam membina generasi yang kembali cintakan tulisan Jawi. Karnival, bengkel dan seminar mengenai tulisan Jawi perlu diperhebatkan dalam semua lapisan masyarakat.

Apa yang lebih mustahak adalah usaha mengembalikan celik huruf dan celik baca tulisan Jawi dilaksanakan secara berterusan. Jangan hanya secara berkala dan bermusim kerana ini tidak banyak memberikan kesan secara menyeluruh.

Antara langkah yang perlu dilakukan adalah melalui Kementerian Pendidikan dengan menjadikan tulisan Jawi sebagai salah satu kurikulum. Dirasakan ia boleh diselitkan dalam subjek Bahasa Melayu. Kalau elemen lain, seperti keselamatan jalan raya, ilmu kope-

rasi, alam sekitar dan banyak lagi, ia begitu bersungguh-sungguh dijayakan. Mengapa tidak dalam aspek tulisan Jawi ini?

Penulis bersetuju seperti apa yang pernah disuarakan oleh Prof. Dr. Kang Kyoung Seok seorang pakar tulisan Jawi dari Pusan University of Foreign Studies, Korea bahawa generasi muda di negara ini semakin melupakan tulisan bangsa mereka sendiri. Beliau nyata begitu bimbang akan berlaku ketandusan generasi yang mampu menguasai tulisan Jawi.

Lihatlah sendiri bagaimana bangsa asing yang tinggal jauh dari bumi kita ini berupaya muncul sebagai pakar dalam tulisan Jawi, malah menjadi seorang pencinta tulisan Jawi! Tidakkah pencapaian ini sedikit sebanyak memberi kita rasa malu kepada profesor itu yang nampaknya lebih menghargai tulisan Jawi sedangkan kita sendiri bersikap acuh tidak acuh sahaja!

Pensyarah Usuluddin Hubungan Muslim-Bukan Muslim, Pemikiran dan Ketamadunan, Universiti Putra Malaysia, Dr. Amini Amir Abdullah turut meluahkan rasa kebimbangannya berkenaan isu tulisan Jawi yang disifatkan beliau sebagai semakin ketiadaan 'pewarisnya'.

Beliau dengan nada sinis melahirkan rasa kehairanannya kerana bangsa lain yang berhijrah ke negara ini suatu ketika dulu membawa bersama tulisan ibunda mereka.

"Lihatlah bagaimana orang Cina yang begitu cintakan seni kaligrafi mereka. Demikian dengan kaum

India yang dilihat sentiasa mengagungkan bahasa Tamil. Tetapi tidak bangsa kita?"

Oleh itu, beliau turut menyarankan agar tulisan Jawi dimasukkan dalam peperiksaan awam seperti Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan dikenakan syarat wajib lulus. Perkara ini boleh dilaksanakan apabila pendedahan dan penghayatan sepenuhnya kepada pelajar-pelajar dibuat terlebih dahulu.

Sebenarnya, kita perlu bermula dari awal semula dan secara berperingkat-peringkat di semua sektor khususnya di sekolah-sekolah untuk menghidupkan tulisan Jawi. Malah di peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) juga adalah dirasakan munasabah dan wajar juga disuburkan penghayatan tulisan Jawi dalam kalanganarganya.

Terbaharu, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dalam ucapannya ketika merasmikan Utusan Business Awards 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur Selalu lalu, turut menyentuh mengenai tulisan Jawi yang dipinggirkan.

Baginda menzahirkan perasaan dukacitanya dengan nasib akhbar bertulisan Jawi, *Utusan Melayu* terbitan Kumpulan Utusan yang tidak diteruskan penerbitannya kerana kurang sambutan yang sekali gus menunjukkan begitu lemah semangat jati diri dan nasionalisme orang Melayu untuk mempertahankan warisan bangsa.

Kita masih ada masa dan ruang untuk bertindak menghidupkan kembali aura tulisan Jawi. Akan tetapi tindakan semua pihak sama ada dari pihak berwajib mahupun masyarakat keseluruhannya untuk menjayakannya, amat dituntut. Ini termasuk memupuk kesedaran sayang dan cinta pada tulisan Jawi. Jangianlah kita nanti menyesal di kemudian hari, tatkala tulisan Jawi hanya tinggal sebagai koleksi sejwajah semata-mata.

**PENULIS** ialah Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Muadzam Shah.